



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES

USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
PPG 317 KAEDAH MENGAJAR SEJARAH II
SIDANG AKADEMIK 2019/2020
SEMESTER 2

SITI ZULAIKHA BINTI HASAN (136505)



**Grafik Ringkasan
Aktiviti PdPc**



SEJARAH

TINGKATAN 2



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Bab 8:
Kerajaan Kedah,
Kelantan, Negeri
Sembilan dan Perlis




Objektif Pembelajaran:
Pada akhir PdPc, murid
berupaya melahirkan idea
kenegaraan yang berasas
berpandukan sejarah
kerajaan Kedah, Kelantan,
Negeri Sembilan dan Perlis



Anggaran Jumlah Pelajar:
28-30 pelajar



Tempoh Masa Aktiviti:
20-25 minit



**Pendekatan
Integratif**



**Strategi
Berpusatkan
Tugasan**



**Kaedah & Teknik 1:
Sumbangsaan**



**Kaedah & Teknik 2:
Pembentangan**

Persediaan **Sebelum** Hari Aktiviti Dijalankan

LANGKAH 2

Pelajar dibahagikan kepada 5 kumpulan. 4 kumpulan menerima soalan tugas masing-masing yang perlu diselesaikan, manakala kumpulan ke-5 akan menjadi pengkritik.

LANGKAH 4

Guru memperincikan peraturan aktiviti sumbangsaan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh setiap pelajar. Pelajar juga perlu mempunyai kefahaman mendalam mengenai Bab 8 barulah boleh menjana idea yang bernas.

LANGKAH 1

Guru menerangkan aktiviti sumbangsaan & pembentangan yang akan dilakukan semasa kelas seterusnya. Objektif pembelajaran & tujuan aktiviti turut diperjelaskan.

LANGKAH 3

Kumpulan 1-4 perlu melantik ketua kumpulan & pelapor yang akan mencatat janaan idea di atas kertas manila nanti. Manakala kumpulan pengkritik yang terdiri daripada 8 orang, dibahagikan kepada 4 kumpulan kecil yang akan mengkritik setiap hasil idea kumpulan pembentang.

LANGKAH 5

Setiap kumpulan perlu melakukan persediaan awal dari segi bahan bacaan, dan sudah boleh berbincang dengan ahli kumpulan mengenai idea yang ingin dijana. Kumpulan pengkritik juga perlu menyediakan lebih awal soalan KBAT untuk disoal nanti.

Semasa Hari Pelaksanaan Aktiviti



02 00
MINS SECS

LANGKAH 1: PERSEDIAAN AKTIVITI

- ✓ Pelajar duduk dalam kumpulan dengan susunan meja dipastikan sesuai untuk aktiviti perbincangan
- ✓ Objektif pembelajaran & tujuan aktiviti ditekankan.
- ✓ Pelajar diingatkan peranan masing-masing; ketua, pelapor, ahli aktif & pengkritik.
- ✓ Guru mengedarkan kertas manilla yang akan digunakan oleh pelajar untuk mencatat idea kumpulan mengikut kreativiti mereka.



07 00
MINS SECS

LANGKAH 2: AKTIVITI SUMBANGSARAN

- ✓ Guru meniuip wisel menandakan sesi sumbangsaran telah bermula.
- ✓ Guru sebagai fasilitator bergerak daripada satu kumpulan ke satu kumpulan; mendengar, memerhati, menggalakkan setiap pelajar melibatkan diri dan memberikan bimbingan.
- ✓ Ketua kumpulan memastikan semua ahli terlibat secara aktif dalam sesi menjana idea.
- ✓ Pelapor mencatat idea yang dipersetujui oleh ahli di atas kertas manilla.
- ✓ Bagi kumpulan pengkritik, guru melihat soalan-soalan KBAT yang telah mereka sediakan dan memberikan pandangan penambahbaikan.
- ✓ Guru turut memberikan tips aspek apa yang boleh dikritik selain idea pembentang misalnya aspek komunikasi, kreativiti dan kerjasama kumpulan.
- ✓ Selepas 5 minit sesi sumbang saran berlangsung, guru meniuip wisel tiga kali menandakan masa telah tamat.



23 00
MINS SECS

LANGKAH 3: AKTIVITI PEMBENTANGAN

- ✓ Guru memastikan semua pelajar sudah bersedia untuk sesi pembentangan.
- ✓ Setiap kumpulan mengikut giliran 1-4, bergilir-gilir datang ke hadapan kelas untuk membentang.
- ✓ Ahli kumpulan memaparkan kertas manilla masing-masing manakala ketua kumpulan, bertindak sebagai wakil kumpulan membentangkan idea yang telah dijana oleh kumpulan bagi menjawab soalan tugas yang telah diberikan.
- ✓ Guru memastikan ketua kumpulan selesai membentang dalam masa 2 minit dan meminta pengkritik meneruskan sesi kritikan dan soalan dalam masa 2 minit lagi.
- ✓ Untuk memastikan pelajar memberikan tumpuan kepada inti pati pembentangan kumpulan lain, setiap pelajar diberikan lembaran soalan berkaitan pembentangan..



25 00
MINS SECS

LANGKAH 4: RUMUSAN & REFLEKSI AKTIVITI

- ✓ Pelajar diberikan peluang untuk menyuarakan pandangan mereka terhadap aktiviti yang telah berlangsung..
- ✓ Guru membuat rumusan mengenai aktiviti yang telah dijalankan.
- ✓ Pelajar diminta meletakkan hasil pembentangan di sudut ruangan sejarah kelas.
- ✓ Pelajar perlu menyiapkan lembaran soalan refleksi dan menjadikan ia sebagai kerja rumah.

